

Prestasi Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa

2



Prestasi Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa

Tinjauan

Ekonomi global pulih...

Pemulihan ekonomi global terus kukuh pada kadar yang berbeza mengikut rantau pada tahun 2010, disebabkan sebahagian besarnya oleh rangsangan fiskal yang mapan dan dasar monetari akomodatif di seluruh dunia. Ini juga disokong oleh prestasi ekonomi yang lebih baik di negara membangun yang berkembang pesat, terutamanya China dan India. Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain mencatat pertumbuhan yang kukuh dalam tempoh separuh pertama 2010, disokong oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan. Sementara itu, ekonomi maju utama berkembang pada kadar sederhana, di sebalik jumlah hutang awam dan kadar pengangguran yang tinggi.

Pada separuh tahun kedua, pertumbuhan global dijangka menyederhana. Ekonomi utama, khususnya Amerika Syarikat (AS) dan kawasan euro dijangka terus berkembang pada kadar yang lebih perlahan. Perbelanjaan pengguna yang rendah di AS dan langkah penjimatan fiskal di kawasan euro yang menerima kesan krisis hutang berdaulat mungkin menjejaskan pertumbuhan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang kukuh di Asia, terutamanya China, India dan ekonomi Pertumbuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), serta negara pengeluar minyak akan mendorong pertumbuhan global. Pada tahun 2010, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia diramal berkembang 4.8% (2009: -0.6%).

JADUAL 2.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar Negara Terpilih 2009 – 2011

	Perubahan (%)		
	2009	2010 ¹	2011 ²
Dunia	-0.6	4.8	4.2
Negara Maju	-3.2	2.7	2.2
Amerika Syarikat	-2.6	3.0 - 3.5	3.5 - 4.2
Kawasan euro	-4.1	1.7	1.5
Jepun	-5.2	2.6	2.0
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain	2.5	7.1	6.4
China	9.1	10.5	9.6
Republik Korea	0.2	6.1	4.5
India	5.7	9.7	8.4
ASEAN			
Singapura	-1.3	13.0 - 15.0	4.5
Thailand	-2.2	7.5	4.0
Indonesia	4.5	6.0	6.2
Filipina	1.1	5.0 - 6.0	4.5
Vietnam	5.3	6.5	6.8
Malaysia	-1.7	7.0	5.0 - 6.0

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: IMF dan agensi negara berkaitan.

Prestasi Ekonomi Global

Ekonomi membangun menyumbang kepada pemulihan...

Ekonomi **AS** berkembang 2.8% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: -4.0%). Peningkatan semula dalam pelaburan swasta domestik, eksport dan juga perbelanjaan

isi rumah telah menyumbang kepada pertumbuhan ini. Pelaburan swasta benar meningkat dengan mendadak iaitu 17.2% (Januari – Jun 2009: -27.4%), berikutan pertumbuhan kukuh dalam peralatan dan perisian. Eksport kembali pulih mencatat pertumbuhan sebanyak 12.9%, sementara penggunaan persendirian pula meningkat sedikit iaitu 1.2%. Perbelanjaan isi rumah yang merupakan satu daripada pendorong utama ekonomi, kekal rendah disebabkan kelemahan berterusan dalam pasaran buruh dan pertumbuhan pendapatan yang tidak memberangsangkan serta syarat kredit yang ketat. Pengeluaran perindustrian bertambah 5.4% (Januari – Ogos 2009: -11.7%) dengan penggunaan kapasiti meningkat kepada 73.5% (Januari – Ogos 2009: 69.5%). Indeks pembuatan *Institute for Supply Management* (ISM) meningkat secara purata 57.8% (Januari – Ogos 2009: 42.3%) dalam tempoh tersebut, sementara indeks bukan pembuatan meningkat kepada 53.7% (Januari – Ogos 2009: 44.5%), menunjukkan aktiviti ekonomi semakin pulih.

Perniagaan runcit berkembang pada kadar yang menggalakkan iaitu 5.9% (Januari – Ogos 2009: -8.2%) disumbangkan terutamanya oleh peningkatan jualan kenderaan bermotor dan gasolin. Industri perumahan bertambah baik dengan perumahan baru dan jumlah permit pembinaan bangunan mencatat pertumbuhan 9.7% dan 7.8% (Januari – Ogos 2009: -45.3%; -43.9%). Sementara itu, jualan rumah baru menurun 10.5% (Januari – Ogos 2009: -29.0%) disebabkan sebahagian besarnya oleh jualan yang semakin menyusut pada bulan Julai dan Ogos berikutan tamat tempoh insentif cukai bagi pembeli rumah kali pertama pada April 2010. Sementara itu, inflasi masih rendah dengan purata Indeks Harga Pengguna (IHP) pada paras 1.9% (Januari – Julai 2009: -0.8%) disebabkan oleh harga tenaga yang rendah dan juga pasaran buruh yang lembap.

Walau bagaimanapun, risiko terhadap momentum pemulihan ekonomi mula kelihatan, memandangkan penunjuk terkini mencerminkan ekonomi akan

berkembang pada kadar perlahan dalam tempoh separuh kedua 2010. Jumlah jualan rumah turun mendadak 29.4% pada bulan Julai dan 28.9% pada Ogos 2010 walaupun kadar pinjaman gadai janji dan harga rumah adalah rendah. Indeks pembuatan ISM telah merosot 54.4% pada bulan September selepas meningkat 60.4% pada April 2010. Jualan runcit pula dijangka kekal lemah, disebabkan terutamanya oleh kadar pengangguran yang tinggi dan seterusnya mengekang perbelanjaan pengguna. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2010, kadar pengangguran mencatat purata sebanyak 9.7%. Sementara itu, inventori mulai menyusut dan defisit perdagangan masih tinggi. Krisis hutang berdaulat Eropah memberi risiko terhadap pemulihan ekonomi. *Federal Reserve Board* (the Fed) terus mengekalkan kadar polisinya antara 0.00% dan 0.25% sejak Disember 2008. Pada tahun 2010, KDNK dijangka berkembang antara 3.0% dan 3.5% (2009: -2.6%).

Dalam tempoh separuh pertama 2010, 16 negara **kawasan euro** mencatat pertumbuhan sebanyak 1.4% (Januari – Jun 2009: -3.7%), didorong terutamanya oleh prestasi ekonomi Jerman dan Perancis yang kukuh. Pertumbuhan keseluruhan pada tahun 2010 dijangka positif iaitu 1.7% (2009: -4.1%). Dalam tempoh separuh tahun pertama, ekonomi terbesar di kawasan euro iaitu **Jerman** berkembang 3.7% (Januari – Jun 2009: -4.9%) berikutan sumbangan kukuh dari sektor eksport dan pelaburan. Eksport meningkat 16.2% (Januari – Jun 2009: -32.7%) dijana terutamanya oleh permintaan yang tinggi dari pasaran membangun yang berkembang pesat untuk barangan seperti kenderaan dan jentera berat. Pelaburan meningkat 7.8% (Januari – Jun 2009: -14.9%), berikutan perbelanjaan bagi jentera dan peralatan serta pembinaan bangunan baru. Inflasi meningkat 1.0% (Januari – Ogos 2009: -0.4%) disebabkan oleh kos tenaga yang lebih tinggi berikutan kenaikan harga minyak. Kadar pengangguran terus menurun dalam tempoh 12 bulan berturut dan mencatat 6.8% pada akhir Ogos 2010. Memandangkan prospek ekonomi masih tidak menentu, Bank Pusat Eropah (ECB) terus mengekalkan kadar polisi pada paras

yang rendah iaitu 1.00% sejak Jun 2009 untuk memastikan pertumbuhan yang mapan. Pada tahun 2010, pertumbuhan ekonomi Jerman dijangka meningkat 3.3% (2009: -4.7%).

Pertumbuhan ekonomi **Perancis** meningkat 1.4% dalam tempoh separuh pertama (Januari – Jun 2009: -2.2%), disebabkan terutamanya oleh penggunaan swasta dan eksport yang lebih tinggi serta peningkatan inventori. Pengeluaran pembuatan berkembang 6.4%, disumbangkan terutamanya oleh subsektor bahan pengangkutan, bahan kimia, peralatan elektrik serta produk logam. Jualan runcit meningkat 3.8% (Januari – Jun 2009: -1.0%). Pada tahun 2010, pertumbuhan ekonomi Perancis dijangka meningkat 1.6% (2009: -2.5%).

KDNK **Jepun** pulih dan mencatatkan 3.6% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: -7.3%). Pemulihan ini disokong oleh pertumbuhan eksport yang kukuh iaitu 32.2%, berikutan permintaan daripada Asia serta pasaran di AS dan Eropah yang mula meningkat. Sektor pembuatan terus berkembang, walaupun pada kadar perlahan, sepertimana ditunjukkan oleh *Purchasing Managers' Index* (PMI) yang meningkat secara purata 52.9% (Januari – Ogos 2009: 41.9%), mencerminkan eksport masih kukuh. Pada separuh pertama 2010, penggunaan swasta meningkat sebanyak 2.6% sejajar dengan pertambahan jualan runcit sebanyak 0.7%, berikutan peningkatan perbelanjaan isi rumah disebabkan jangkaan peluang pekerjaan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pelaburan masih kekal rendah pada -3.6% berikutan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dibebani oleh kedudukan kewangan yang ketat. Namun demikian, pelaburan swasta bukan perumahan kembali positif dalam tempoh suku kedua dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 2.4%. Jepun terus mengalami deflasi dengan IHP mencatat purata sebanyak -1.0% (Januari – Ogos 2009: -0.9%), disebabkan terutamanya oleh penurunan harga makanan serta caj bahan api, elektrik dan air. Sementara itu, *Bank of Japan* terus mengekalkan kadar

polisinya pada 0.10% untuk menyokong pemulihan ekonomi. Kadar pengangguran berada pada 5.1% pada akhir Ogos 2010 (akhir Ogos 2009: 5.4%). Tawaran pekerjaan baru menunjukkan tanda-tanda pemulihan aktiviti ekonomi berikutan peningkatan keuntungan syarikat serta suasana perniagaan yang semakin baik. Pada awal September 2010, Jemaah Menteri Jepun telah meluluskan pakej rangsangan ekonomi bernilai ¥915 bilion (USD10.9 bilion) bagi menggalakkan perbelanjaan domestik pengguna dan pelaburan korporat serta peluang pekerjaan ketika mata wang yen semakin kukuh. Pertumbuhan KDNK Jepun dijangka kembali pulih kepada 2.6% pada tahun 2010 (2009: -5.2%), disebabkan permintaan luaran yang semakin kukuh di samping sokongan berterusan daripada langkah rangsangan fiskal dan monetari.

JADUAL 2.2

Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih 2009 – 2010

	Perubahan (%)	
	2009	2010 ¹
Dunia	2.5	3.7
Negara Maju	0.1	1.4
Amerika Syarikat	-0.3	1.4
Kawasan Euro	0.3	1.6
Jepun	-1.4	-1.0
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain	5.2	6.3
China	-0.7	3.5
Republik Korea	2.8	3.1
India	10.9	13.2
ASEAN		
Singapura	0.6	2.8
Thailand	-0.8	3.0
Indonesia	4.8	5.1
Filipina	3.2	4.5
Vietnam	6.7	8.4
Malaysia	0.6	2.0 - 2.5

¹ Anggaran.

Sumber: IMF dan agensi negara berkaitan.

Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain kembali cergas mendorong pemulihan global, diperkukuhkan lagi oleh permintaan domestik yang mantap dan eksport yang kukuh pada separuh pertama 2010. China, Singapura dan Thailand mencatatkan pertumbuhan dua angka dalam KDNK, manakala pertumbuhan di negara lain kembali ke tahap sebelum krisis. Memandangkan persekitaran luaran yang memberangsangkan dan pertumbuhan kukuh di China dan India, KDNK di negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain dijangka berkembang pesat sebanyak 7.1% pada tahun 2010 (2009: 2.5%).

Ekonomi **China** mencatatkan pertumbuhan dua angka iaitu 11.1% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: 7.1%), dirangsang sebahagian besarnya oleh prestasi eksport yang kukuh dan permintaan domestik yang mantap. Eksport meningkat 35.2% kepada USD705.1 bilion, berikutan China memperluaskan dagangan ke pasaran negara membangun yang berkembang pesat seperti Brazil, India dan Rusia bagi mengurangkan kesan kemerosotan permintaan dari negara maju. Pelaburan swasta mengalami pertumbuhan pesat, terutamanya harta tanah yang meningkat ketara sebanyak 38.1% kesan daripada kos pinjaman yang rendah dan kenaikan nilainya. Penggunaan swasta bertambah baik berikutan peningkatan perbelanjaan per kapita di bandar dan luar bandar sebanyak 7.2% dan 8.5%. Peningkatan tersebut disebabkan oleh keyakinan pengguna yang semakin kukuh dan pendapatan benar individu meningkat 7.5% di bandar dan 9.5% di luar bandar. Dari segi penawaran, jualan runcit bertambah 18.2% kepada CNY7,267.0 bilion atau USD1,066.0 bilion (Januari – Jun 2009: 15.0%; CNY5,871.0 bilion atau USD859.0 bilion). IHP meningkat 2.8% dalam tempoh lapan bulan pertama 2010 berikutan kenaikan harga makanan (5.9%) dan perumahan (4.1%). Bagi mengekang kenaikan harga harta tanah dan mengelakkan pinjaman berlebihan kepada sektor berkenaan, *People's Bank of China* telah meningkatkan nisbah keperluan rizab deposit tiga kali berturut kepada 17.00% ke atas institusi

kewangan utama. Pada akhir Jun 2010, kadar pengangguran berada pada paras 4.2%, di mana sebanyak 6.4 juta pekerjaan diwujudkan di kawasan bandar dalam tempoh separuh pertama 2010. Ini selaras dengan rancangan China untuk mewujudkan hampir 9 juta pekerjaan di kawasan bandar dan memastikan kadar pengangguran bandar berdaftar di bawah 4.6% pada tahun 2010. Pertumbuhan China diunjurkan berkembang sebanyak 10.5% pada tahun 2010 (2009: 9.1%), walaupun terdapat kawalan ketat ke atas pinjaman dan pengembangan sektor harta tanah bagi mengelakkan kemaruapan ekonomi.

Ekonomi **Republik Korea** mencatatkan pertumbuhan 7.6% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: -3.2%), iaitu pertumbuhan yang terpanas dalam tempoh 10 tahun, disebabkan sebahagian besarnya oleh lonjakan eksport dan permintaan domestik yang kembali pulih. Eksport berkembang 34.4% berikutan permintaan kukuh dari China, AS dan Jepun bagi semikonduktor dan kenderaan. Pengeluaran industri kembali pulih kepada 22.2% (Januari – Jun 2009: -10.8%), disokong oleh permintaan luar negeri yang kukuh dalam tempoh tersebut. Dalam tempoh separuh pertama 2010, penggunaan swasta meningkat 5.0% berikutan kenaikan perbelanjaan isi rumah sejajar dengan keadaan pasaran buruh yang semakin baik. Ini juga dicerminkan dari sudut penawaran, di mana perdagangan runcit dan borong, restoran dan perhotelan telah berkembang sebanyak 6.5%. Di samping itu, pelaburan swasta yang terdiri daripada perbelanjaan peralatan pengeluaran dan kemudahan meningkat 29.4%. Inflasi mencatat purata 2.6% (Januari – Ogos 2009: 3.0%) berikutan kenaikan harga keluaran pertanian dan produk minyak. Bagi membendung inflasi, *Bank of Korea* telah menaikkan kadar polisi penanda aras sebanyak 25 mata asas kepada 2.25% pada bulan Julai. Sementara itu, kadar pengangguran menyusut kepada 3.3% bagi tempoh akhir Ogos (akhir Ogos 2009: 3.7%), sejajar dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan pengambilan pekerja yang berterusan oleh pengilang. Justeru, pertumbuhan dijangka melonjak kepada 6.1% pada tahun 2010 (2009: 0.2%).

Ekonomi **India** berkembang dengan pesat sebanyak 8.8% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: 5.9%). Pertumbuhan disumbang sebahagian besarnya oleh prestasi mantap dalam aktiviti perkhidmatan dan pembuatan yang berkembang 9.0% dan 14.4% (Januari – Jun 2009: 8.0%; 12.3%). Ekonomi India turut memperolehi manfaat daripada peningkatan penggunaan swasta, perbelanjaan dan pelaburan kerajaan. Sementara itu, inflasi yang diukur melalui indeks harga borong meningkat dengan mendadak kepada kadar purata 9.8% dalam tempoh lapan bulan pertama (Januari – Ogos 2009: 1.5%). Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan berikutan hasil pertanian yang terjejas teruk akibat musim kemarau pada tahun 2009, yang terburuk dalam tempoh empat dekad. *Reserve Bank of India* telah memperketatkan dasar monetari sejak Januari 2010 bagi mengawal tekanan inflasi. Pada bulan Januari dan April, nisbah rizab tunai dinaikkan sebanyak 100 mata asas kepada 6.00%. Sementara itu, kadar polisi telah disemak dan dinaikkan lima kali berturut dengan jumlah keseluruhan 125 mata asas kepada 6.00% pada akhir September 2010. Pada tahun 2010, India dijangka mencatat perkembangan pesat sebanyak 9.7% (2009: 5.7%), disokong oleh pertumbuhan kukuh sektor perkhidmatan dan pembuatan serta peningkatan output pertanian.

Di rantau ASEAN, semua ekonomi utama mencatat pertumbuhan positif, dengan Singapura dan Thailand merekodkan pertumbuhan dua angka dalam tempoh separuh pertama 2010. **Singapura** mencatat pertumbuhan pesat iaitu sebanyak 17.9% (Januari – Jun 2009: -5.3%), disebabkan oleh peningkatan output pembuatan berikutan permintaan eksport yang semakin pulih. Output pembuatan meningkat 41.5%, disumbang sebahagian besarnya oleh industri bioperubatan dan elektronik. Pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat 17.9% disokong oleh perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. Inflasi meningkat 2.3% (Januari – Ogos 2009: 1.3%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan kos pengangkutan domestik, perumahan dan makanan. Pada tahun 2010, ekonomi Singapura dijangka berkembang antara 13.0% dan 15.0% (2009: -1.3%).

Ekonomi **Thailand** kembali pulih dan mencatat pertumbuhan pesat sebanyak 10.6% (Januari – Jun 2009: -6.0%). Pertumbuhan ini didorong sebahagian besarnya oleh prestasi eksport yang kukuh dan permintaan domestik yang teguh. Eksport barangan dan perkhidmatan meningkat 19.1% disokong oleh permintaan untuk elektronik, barangan pertanian dan automobil yang semakin meningkat. Penggunaan swasta bertambah 5.3% sejajar dengan peningkatan jualan runcit 7.3% berikutan keadaan pekerjaan yang lebih baik dan pendapatan ladang yang lebih tinggi. Inflasi meningkat 3.5% (Januari – Ogos 2009: -1.8%), disebabkan oleh kenaikan harga elektrik, bahan api dan air serta makanan. *Bank of Thailand* menaikkan kadar polisi kepada 1.75% pada Ogos 2010, iaitu kali kedua dalam tempoh hampir dua tahun berikutan pemulihan ekonomi yang semakin kukuh. Pada tahun 2010, pertumbuhan dijangka mencatat 7.5% (2009: -2.2%).

Ekonomi **Indonesia** berkembang 5.9% (Januari – Jun 2009: 4.3%), dipacu terutamanya oleh pelaburan dan perbelanjaan isi rumah yang bertambah baik. Pelaburan modal meningkat 7.9%, disumbang sebahagian besarnya oleh perbelanjaan terhadap peralatan pengangkutan domestik dan import yang meningkat 15.4% dan 15.1%. Penggunaan swasta juga meningkat 4.5% berikutan jangkaan peluang pekerjaan yang lebih baik. Dari segi penawaran, jualan runcit mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.5% manakala output pembuatan meningkat 4.0%. Inflasi mencatat purata sebanyak 4.6% (Januari – Ogos 2009: 6.0%) berikutan tarif elektrik dan harga makanan yang kekal tinggi. Walaupun tekanan inflasi semakin meningkat, Bank Indonesia mengekalkan kadar polisi pada paras terendah iaitu 6.50% sejak Ogos 2009 bagi merangsang pinjaman. Pada tahun 2010, ekonomi Indonesia dijangka meningkat 6.0% (2009: 4.5%).

KDNK **Filipina** meningkat dengan pesat pada kadar 7.9% (Januari – Jun 2009: 0.9%), didorong oleh perbelanjaan pengguna dan kerajaan yang kukuh serta eksport yang meningkat tinggi. Penggunaan swasta berkembang 5.4% disokong

oleh peningkatan ketara dalam jumlah kiriman wang daripada warga Filipina yang bekerja di luar negara. Manakala penggunaan kerajaan meningkat 11.5%, didorong sebahagian besarnya oleh perbelanjaan sebelum pilihan raya yang tinggi dan peningkatan peruntukan untuk program kebajikan. Jumlah eksport barangan berkembang 29.3% disumbang sebahagian besarnya oleh semikonduktor dan litar mikro elektrik. Inflasi meningkat 4.2% (Januari – Ogos 2009: 3.7%), mencerminkan harga bahan api dan utiliti yang lebih tinggi. Pada Ogos 2010, *Bangko Sentral ng Pilipinas* mengekalkan kadar polisi pada paras terendah iaitu 4.00% bagi menyokong pemulihan ekonomi. Pada tahun 2010, pertumbuhan ekonomi dijangka berkembang antara 5.0% dan 6.0% (2009: 1.1%).

KDNK **Vietnam** melonjak 6.2% (Januari – Jun 2009: 3.9%), disokong sebahagian besarnya oleh peningkatan subsektor pembuatan (7.6%), pertanian (3.2%) dan perdagangan runcit (7.6%). Inflasi mencatat purata sebanyak 8.6% (Januari – Ogos 2009: 8.5%) berikutan permulaan trend penurunan kos makanan dan pengangkutan. *State Bank of Vietnam* mengekalkan kadar polisi pada 8.00% sejak Disember 2009. Pada tahun 2010, pertumbuhan KDNK dijangka pada 6.5% (2009: 5.3%).

Pertumbuhan di **negara membangun lain** dijangka kembali kukuh tetapi pada kadar yang berbeza mengikut rantau. **Timur Tengah dan Afrika Utara** (MENA) dijangka berkembang 4.1% (2009: 2.0%) berikutan permintaan luaran dan harga komoditi yang bertambah baik. Dasar pengembangan fiskal di **ekonomi pengeksport minyak** dijangka menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih tinggi. Arab Saudi dan Qatar akan menerajui pertumbuhan dan dijangka mencatatkan 3.4% dan 16.0%, disokong oleh pelaburan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran minyak dan gas. Sementara itu, **negara pengimport minyak** dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan perdagangan antara rantau. Walau bagaimanapun, keadaan pertumbuhan kredit di rantau ini yang terjejas teruk akibat kegagalan korporat terutamanya di Dubai, Kuwait dan Arab Saudi masih membimbangkan.

Pertumbuhan **Sub-Sahara Afrika** diunjurkan 5.0% pada tahun 2010 (2009: 2.6%) hasil daripada pemulihan dalam eksport, harga komoditi, permintaan domestik yang kukuh di beberapa negara dan pelaksanaan dasar fiskal yang mengekang kemelesetan. Di kalangan negara pengeksport minyak, Nigeria dan Angola dijangka mencatat pertumbuhan kukuh 7.4% (2009: 7.0%) dan 5.9% (2009: 0.7%), disokong oleh kenaikan pengeluaran minyak. Afrika Selatan, ekonomi terbesar di rantau ini, diunjurkan mencatat pertumbuhan 3.0% (2009: -1.8%), disokong oleh permintaan sumber galian dari Asia dan pemulihan eksport barangan ke kawasan euro serta peningkatan pendapatan hasil daripada penganjuran Piala Dunia FIFA 2010.

Pertumbuhan ekonomi di **Komanwel Negara Merdeka** (CIS) dijangka mencatat pemulihan yang sederhana dengan prospek pertumbuhan yang berbeza di rantau tersebut, disebabkan sebahagian besarnya oleh struktur ekonomi yang berlainan. Pertumbuhan KDNK dijangka kembali pulih kepada 4.3% (2009: -6.5%), disokong terutamanya oleh harga komoditi yang lebih baik, pemulihan pertumbuhan dan perdagangan global serta mengambil manfaat daripada pemulihan ekonomi Rusia. Ekonomi Rusia berkembang 4.1% dalam tempoh separuh pertama (Januari – Jun 2009: -10.1%), disokong oleh penggunaan isi rumah dan eksport yang kukuh. Pada tahun 2010, ekonomi Rusia dianggar berkembang 4.0% (2009: -7.9%), disokong oleh harga minyak yang lebih tinggi, perbelanjaan rangsangan fiskal oleh kerajaan dan kitaran inventori yang bertambah baik. Keadaan cuaca panas dan musim kemarau yang melampau pada pertengahan bulan Jun telah memusnahkan satu perlima daripada tanaman bijian di Rusia dan ini dijangka memberi impak kepada pertumbuhan jangka pendek. KDNK bagi Uzbekistan dan Turkmenistan diunjurkan berkembang 8.0% dan 9.4% (2009: 8.1%; 6.1%) disebabkan terutamanya oleh harga komoditi yang lebih tinggi.

Sementara itu, pemulihan ekonomi di **Amerika Latin** menunjukkan peningkatan yang lebih ketara daripada jangkaan, walaupun berbeza antara negara. Prestasi ekonomi yang lebih baik, terutamanya di kalangan negara pengeksport

komoditi seperti Brazil, Chile, Colombia, Mexico dan Peru, adalah didorong oleh peningkatan perdagangan global yang semakin baik sejak pertengahan 2009. Kedudukan ekonomi yang berintegrasi dari segi kewangan seperti Brazil, Chile dan Mexico telah mendapat manfaat daripada pasaran kewangan yang bertambah baik dan dijangka mencatat pertumbuhan 7.5%, 5.0% dan 5.0% (2009: -0.2%; -1.5%; -6.5%). Pada tahun 2010, ekonomi Amerika Latin diunjurkan kembali pulih kepada 5.7% (2009: -1.7%).

Aliran Pelaburan

Prospek yang lebih baik pada 2010...

Aliran pelaburan langsung asing (FDI) global terus menguncup pada tahun 2009 berikutan krisis kewangan global dan kemelesetan ekonomi. Laporan Pelaburan Dunia oleh Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan Dan Pembangunan (UNCTAD) menunjukkan aliran masuk FDI menyusut lagi 37.1% kepada USD1,114.2 bilion selepas menguncup 15.7% pada tahun 2008. Kejatuhan yang ketara ini menunjukkan kemerosotan keuntungan dan kemampuan kewangan syarikat yang semakin lemah kesan daripada krisis global. Penggabungan dan pengambilalihan (M&A) rentas sempadan adalah yang paling teruk terjejas. Penguncupan aliran FDI global ini telah diikuti dengan peralihan yang ketara dalam corak FDI global. Sumbangan dari negara membangun dan negara peralihan kepada jumlah FDI global, telah meningkat. Di samping itu, FDI bagi sektor pembuatan mengalami penguncupan yang paling teruk berbanding dengan sektor perkhidmatan dan primer.

Negara maju mengalami kejatuhan aliran masuk FDI yang ketara iaitu 44.4% kepada USD565.9 bilion pada tahun 2009 (2008: -29.5%; USD1,018.3 bilion) memandangkan negara tersebut terjejas teruk akibat krisis kewangan. Penurunan ini disebabkan kejatuhan drastik dalam bilangan M&A merentasi sempadan. Di kalangan negara maju, Amerika Utara mengalami penguncupan aliran masuk FDI yang ketara iaitu 60.9% kepada

USD148.5 bilion (2008: 1.5%; USD379.8 bilion). Walaupun mengalami penguncupan 60.0%, AS kekal sebagai penerima tunggal terbesar FDI. Sementara itu, kemasukan FDI ke Jepun menguncup 51.1% kepada USD11.9 bilion (2008: 8.3%; USD24.4 bilion) dan aliran masuk FDI ke 27 negara anggota Kesatuan Eropah (EU) menguncup dengan ketara iaitu 32.6% kepada USD361.9 bilion (2008: -41.9%; USD536.9 bilion). Walau bagaimanapun, aliran masuk FDI ke Jerman terus meningkat 46.0% berikutan kenaikan ketara pinjaman antara syarikat.

Selepas berkembang selama enam tahun berturut, aliran masuk FDI ke negara membangun pada tahun 2009 menguncup 24.1% kepada USD478.3 bilion (2008: 11.5%; USD630.0 bilion), merupakan pegangan yang lebih besar iaitu 42.9% (2008: 35.6%) daripada jumlah FDI global. Asia Selatan, Timur dan Tenggara kekal sebagai penerima terbesar meskipun FDI menguncup 17.5% kepada USD233.1 bilion (2008: 9.1%; USD282.4 bilion). Ini disebabkan keuntungan lebih rendah serta kejatuhan ketara harga saham yang mengurangkan nilai dan skop bagi M&A merentasi sempadan, iaitu mod kemasukan FDI yang semakin penting. Sejajar dengan perkembangan ini, peralihan persekitaran FDI global yang tertumpu ke negara membangun dan ekonomi yang berkembang pesat terus didahului oleh rantau Asia Selatan, Timur dan Tenggara. Aliran masuk FDI Asia daripada jumlah aliran global dianggarkan sebanyak satu perlima dengan China, Hong Kong dan India berada pada kedudukan kedua, keempat dan kesembilan di kalangan 10 penerima utama FDI global.

Aliran masuk FDI ke Asia Barat menguncup 24.3% kepada USD68.3 bilion (2008: 15.6%; USD90.3 bilion). Pasaran kredit yang ketat kesan daripada krisis hutang Dubai telah menyebabkan kejatuhan FDI secara mendadak di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Arab Saudi. Di Turki, penyusutan adalah disebabkan oleh FDI berorientasikan eksport yang rendah. Amerika Latin dan Caribbean mencatatkan penurunan terbesar iaitu 36.4% kepada USD116.6 bilion (2008: 12.0%; USD183.2 bilion), mencerminkan penurunan pendapatan daripada pelaburan semula.

Aliran FDI ke Afrika menyusut 18.9% kepada USD58.6 bilion (2008: 14.4%; USD72.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh penguncupan permintaan global serta kejatuhan harga komoditi. Perkembangan ekonomi yang pesat di Asia, khususnya bagi naik taraf industri merupakan sumber utama yang semakin penting bagi aliran FDI ke Afrika, terutamanya untuk sumber asli dan pembuatan.

Aliran keluar FDI dari negara maju menguncup dengan ketara iaitu 47.8% kepada USD820.7 bilion (2009: -18.3%; USD1,571.9 bilion) manakala aliran keluar dari negara membangun menyusut 22.7% kepada USD229.2 bilion (2008: 1.4%; USD296.3 bilion). Negara membangun, terutamanya China

dan India, menjadi penyumbang FDI yang semakin penting sejajar dengan peningkatan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara di rantau Asia.

Aliran FDI ke ASEAN merosot 22.1% kepada USD36.8 bilion pada tahun 2009 (2008: -36.1%; USD47.3 bilion). Singapura mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 54.0% (USD16.8 bilion), sementara negara anggota lain mencatat penurunan. Malaysia menerima sejumlah USD1.4 bilion, diikuti oleh Vietnam (USD4.5 bilion), Indonesia (USD4.9 bilion) dan Thailand (USD5.9 bilion). Pada tahun 2009, aliran keluar FDI dari ASEAN mencapai USD21.3 bilion (2008: USD15.4 bilion), berikutan syarikat transnasional negara ASEAN terus membuat pelaburan di luar bagi meneroka pasaran baru yang menguntungkan.

Aliran FDI global dijangka pulih secara berperingkat pada tahun 2010. Ini disumbang sebahagiannya oleh kenaikan pendapatan pelaburan semula sejak tempoh separuh kedua 2009, serta aktiviti M&A merentasi sempadan yang kembali cergas dan berkembang sebanyak 36.0% dalam tempoh lima bulan pertama 2010. Negara membangun menerajui pemulihan aliran FDI, di mana UNCTAD menjangka aliran masuk FDI melebihi paras USD1.2 trilion pada tahun 2010.

Aliran Perdagangan

Aliran perdagangan semakin berkembang...

Jumlah perdagangan global kembali pulih dengan pantas dan dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 11.4% pada tahun 2010, selepas mencatat penguncupan ketara 11.0% pada tahun 2009. Prestasi lebih baik ini disebabkan peningkatan permintaan dunia sejak separuh kedua 2009. Ini disokong oleh keberkesanan langkah fiskal dan monetari dalam mengurangkan impak kemelesetan dan merangsang pertumbuhan ekonomi serta kejayaan usaha kerajaan dalam mengelak mengambil langkah perlindungan perdagangan. Walau bagaimanapun, unjuran

JADUAL 2.3

Aliran Masuk FDI bagi Rantau dan Ekonomi Utama Terpilih 2008 – 2009

	USD bilion		Perubahan (%)
	2008	2009	
Dunia	1,770.9	1,114.2	-37.1
5 penerima utama bagi 2009			
Amerika Syarikat	324.6	129.9	-60.0
China	108.3	95.0	-12.3
Perancis	62.2	59.6	-4.2
Hong Kong, China	59.6	48.4	-18.7
United Kingdom	91.4	45.6	-50.1
Negara Maju	1,018.3	565.9	-44.4
Eropah	551.0	378.3	-31.3
Kesatuan Eropah	536.9	361.9	-32.6
Jepun	24.4	11.9	-51.1
Negara Membangun	630.0	478.3	-24.1
Asia dan Oceania	374.6	303.2	-19.1
India	40.4	34.6	-14.4
ASEAN	47.3	36.8	-22.1
Singapura	10.9	16.8	54.0
Thailand	8.5	5.9	-30.4
Malaysia	7.3	1.4	-81.1
Vietnam	8.0	4.5	-44.1
Indonesia	9.3	4.9	-47.7
Ekonomi Peralihan	122.6	69.9	-42.9
Eropah Tenggara	12.7	7.6	-40.4
Komanwel Negara Merdeka	109.9	62.4	-43.2

Sumber: UNCTAD.

JADUAL 2.4

**Eksport dan Import Negara Terpilih
Januari – Ogos**

	Eksport			Import			Jumlah Dagangan		
	USD bilion		Perubahan (%)	USD bilion		Perubahan (%)	USD bilion		Perubahan (%)
	2009	2010		2009	2010		2009	2010	
Amerika Syarikat ¹	885.8	1,044.2	17.8	1,089.8	1,333.0	22.3	1,975.6	2,377.2	20.3
Kawasan euro ²	1,995.3	2,250.6	12.8	1,948.4	2,204.3	13.1	3,943.7	4,454.9	13.0
Jepun	349.7	491.8	40.6	345.7	444.2	28.5	695.4	936.0	34.9
China	730.7	990.0	35.5	608.8	885.8	45.5	1,339.5	1,875.8	40.0
Singapura	167.7	226.0	34.8	152.7	202.5	32.6	320.4	428.5	33.7

¹ Termasuk barangan dan perkhidmatan sehingga akhir Julai.² Januari – Julai.

Sumber: WTO dan agensi negara berkaitan.

11.4% ini adalah berdasarkan kepada pemulihan ekonomi yang berterusan, terutamanya di negara maju yang menyumbang bahagian terbesar dalam perdagangan dunia. Risiko utama yang boleh menjejaskan pertumbuhan termasuk peningkatan krisis hutang di Eropah, kadar pengangguran yang tinggi di negara maju yang melebihi jangkaan, nilai mata wang utama yang tidak stabil serta kenaikan harga komoditi yang mendadak, khususnya minyak dan keluli.

Dalam keadaan ekonomi yang semakin pulih, ketidakseimbangan perdagangan di antara negara maju dan negara membangun dijangka menjadi semakin melebar pada tahun 2010. Ini disebabkan terutamanya oleh kesan perubahan tukaran asing dan pertumbuhan KDNK yang lebih cepat di kalangan negara membangun dan ekonomi yang berkembang pesat. Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain dijangka menerajui pertumbuhan eksport iaitu 11.9% (2009: -7.8%), sementara eksport ekonomi maju dijangka bertambah baik dengan ketara sebanyak 11.0% (2009: -12.4%). Import bagi negara maju serta negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain dijangka berkembang sebanyak 10.1% dan 14.3% (2009: -12.7%; -8.2%).

Jumlah perdagangan bagi **AS** berada pada trend yang semakin meningkat, disokong oleh peningkatan semula perdagangan global dan pemulihan ekonomi rakan dagangan utama yang merangsangkan eksport. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, eksport meningkat 17.8% kepada USD1,044.2 bilion (Januari – Julai 2009: -19.5%; USD885.8 bilion), manakala import berkembang 22.3% kepada USD1,333.0 bilion (Januari – Julai 2009: -28.9%; USD1,089.8 bilion), dipacu oleh peningkatan permintaan terhadap bekalan bahan perindustrian, barangan modal dan kenderaan automotif, alat ganti serta enjin. Jumlah defisit kekal tinggi iaitu USD288.8 bilion (Januari – Julai 2009: USD204.0 bilion). Walau bagaimanapun, pada bulan Julai, defisit perdagangan menyusut kepada USD42.8 bilion, iaitu penurunan 14.1% berbanding USD49.8 bilion pada bulan sebelumnya. Penyusutan ini mencerminkan peningkatan ketara eksport terutamanya kapal terbang, manakala import pula susut. Destinasi utama eksport ialah Kanada dengan peratusan sebanyak 16.9% daripada jumlah eksport, diikuti China (13.6%), Mexico (12.3%), Jepun (5.6%), Jerman (4.1%) dan United Kingdom (UK) (3.2%). Pada tahun 2010, defisit perdagangan AS dijangka melebar berikutan pemulihan permintaan import dan trend kenaikan harga minyak.

Jumlah perdagangan **kawasan euro** meningkat 13.0% kepada USD4,454.9 bilion (Januari – Julai 2009: -32.2%; USD3,943.7 bilion) dan rakan dagangan utama ialah AS, China, Switzerland dan Rusia. Eksport meningkat 12.8% kepada USD2,250.6 bilion (Januari – Julai 2009: -31.6%; USD1,995.3 bilion), sementara import meningkat 13.1% kepada USD2,204.3 bilion (Januari – Julai 2009: -32.9%; USD1,948.4 bilion). Kebelakangan ini, perdagangan antara kawasan euro dengan China telah meningkat dengan ketara di mana China merupakan pengimport utama dan rakan dagangan kedua terbesar selepas AS. Jumlah eksport dan import kawasan euro dijangka meningkat 6.4% dan 5.0% pada tahun 2010, mencerminkan pemulihan ketara perdagangan global.

Jumlah dagangan **Jepun** meningkat 34.9% kepada USD936.0 bilion (Januari – Ogos 2009: -33.7%; USD695.4 bilion). China kekal sebagai rakan dagangan utama dengan syer 20.3% diikuti oleh ASEAN (14.6%), AS (12.7%) dan EU (10.5%). Eksport melonjak 39.1%, berikutan permintaan kukuh bagi kenderaan bermotor, produk berteknologi tinggi dan peralatan industri. Eksport kenderaan meningkat ketara 65.8%, manakala peralatan auto meningkat 59.3% berikutan permintaan yang lebih tinggi dari China dan AS. Sementara itu, eksport ke EU meningkat 22.1% kepada USD54.5 bilion dan import pula 13.0% kepada USD43.1 bilion. Pada tahun 2010, eksport barangan dan perkhidmatan Jepun diunjurkan meningkat 19.5%, manakala import sebanyak 7.5%.

Jumlah dagangan **China** meningkat 40.0% kepada USD1,875.8 bilion (Januari – Ogos 2009: -22.4%; USD1,339.5 bilion). Rakan dagangan utama China ialah EU (16.3%), AS (12.9%), Jepun (9.9%), dan ASEAN (9.8%). Perdagangan antara China dengan EU meningkat 36.2% kepada USD305.8 bilion manakala perdagangan dengan AS meningkat 32.0% kepada USD242.6 bilion. Perdagangan China dengan Jepun juga meningkat dengan pesat sebanyak 34.8% mencecah USD186.9 bilion, menjadikan Jepun rakan dagangan China ketiga terbesar. Defisit perdagangan China dengan Jepun meningkat

hampir dua kali ganda kepada USD36.2 bilion. Sementara itu, perdagangan dengan ASEAN meningkat dengan ketara sebanyak 47.2% kepada USD185.4 bilion. Antara eksport utama termasuklah mesin memproses data automatik, tekstil dan pakaian serta telefon bimbit. Import pula termasuklah petroleum mentah, bijih besi, tembaga dan kenderaan bermotor. Eksport barangan dan perkhidmatan China dijangka meningkat 30.3%, manakala import meningkat 26.3% pada tahun 2010.

Jumlah dagangan **Singapura** berkembang 33.7% kepada USD428.5 bilion (Januari – Ogos 2009: -30.7%; USD320.4 bilion). Jumlah eksport meningkat 34.8% (Januari – Ogos 2009: -29.7%), didorong oleh jualan produk elektronik dan bukan elektronik yang lebih tinggi. Rakan dagangan utama Singapura terdiri daripada EU, Malaysia, AS, China, dan Indonesia. Pada tahun 2010, jumlah dagangan diunjurkan mencatat USD844.1 bilion iaitu peningkatan 22.7%. Eksport dianggarkan meningkat 22.9%, manakala import pula meningkat 22.6%.

Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Cabaran pasca krisis...

Krisis ekonomi global yang berlaku baru ini telah mendesak ke arah kerjasama antarabangsa yang lebih erat dan tindak balas dasar yang terselaraskan. Tambahan pula, krisis tersebut turut menekankan kepentingan peranan negara membangun dalam proses membuat keputusan di peringkat global bagi mencapai pertumbuhan yang lebih mapan dan seimbang. Di peringkat pelbagai hala dan serantau pula, pelbagai inisiatif terus diambil bagi mengukuhkan pertumbuhan ekonomi di samping terus memastikan kestabilan sistem kewangan.

Institusi kewangan antarabangsa (IFI) seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meningkatkan usaha pemberian pinjaman, terutamanya bagi membantu negara berpendapatan

rendah (LIC). Memandangkan LIC semakin berkait rapat dengan ekonomi global, maka ia lebih terdedah kepada keadaan ekonomi yang tidak menentu. Bagi mengatasi keadaan ini, IMF telah menyusun semula tiga daripada instrumen pemberian pinjamannya di bawah *Poverty Reduction and Growth Trust* (PRGT) untuk menjadi lebih fleksibel mengikut keperluan negara, berkuatkuasa Januari 2010. Kemudahan *Extended Credit Facility* (ECF) diwujudkan bagi memenuhi keperluan imbalan pembayaran (BOP) jangka sederhana, manakala *Standby Credit Facility* (SCF) menyokong keperluan pelarasan dan pembiayaan jangka pendek. IMF turut memperkenalkan *Rapid Credit Facility* (RCF) tanpa syarat dan pengeluaran segera untuk masalah BOP yang mendesak dan keperluan kecemasan lain termasuk bencana alam. Sejak dilancarkan sehingga Ogos 2010, IMF telah meluluskan ECF baru untuk 12 negara dan ECF tambahan bagi empat negara, RCF untuk Nepal dan SCF untuk Kepulauan Solomon. Seterusnya, pada tahun 2009, IMF menggandakan pinjaman konsesi kepada USD3.8 bilion dan sumber konsesi kepada USD17.0 bilion sehingga 2014. Di samping itu, bayaran faedah yang perlu dijelaskan di bawah pinjaman konsesi sehingga penghujung 2011 telah dikecualikan.

Bagi negara berpendapatan sederhana, IMF memperkenalkan pembaharuan selanjutnya kepada kemudahan instrumen pinjamannya pada Ogos 2010. *Flexible Credit Line* (FCL), iaitu instrumen pencegahan dan penyelesaian krisis yang sedia ada bagi negara yang mempunyai asas dan dasar yang sangat kukuh, telah diperhalusi lagi. Tempoh FCL kini ditambah dari setahun kepada dua tahun, manakala akses had tersirat dimansuhkan dan diubah berdasarkan keperluan pembiayaan setiap negara. *Precautionary Credit Line* (PCL) merupakan instrumen baru pencegahan krisis yang dirancang khusus untuk negara yang mempunyai asas dan dasar yang kukuh tetapi tahap mudah terdedah yang sederhana.

Semasa Mesyuarat Musim Bunga 2010, *Development Committee* buat pertama kali dalam tempoh lebih 20 tahun telah meluluskan kenaikan modal sebanyak USD86.2 bilion

kepada *International Bank of Reconstruction and Development* (IBRD). Daripada jumlah tersebut, USD58.4 bilion adalah melalui kenaikan modal am (GCI), manakala USD27.8 bilion adalah melalui kenaikan modal terpilih (SCI). Kenaikan modal tersebut akan mengukuhkan lagi kapasiti pinjaman IBRD dan menandakan satu peralihan bersejarah di mana 3.13% kuasa mengundi bagi negara membangun dan peralihan (DTC) meningkat daripada 44.1% kepada 47.2%. Peningkatan kuasa mengundi ini adalah pengiktirafan kepada dinamisme DTC dalam ekonomi global serta keperluan bagi Bank Dunia untuk mengekalkan kewibawaannya dalam dunia pasca krisis. *International Finance Corporation* (IFC) juga akan meningkatkan modal sebanyak USD200.0 juta melalui SCI.

Bagi tahun kewangan 2010, pemberian pinjaman oleh Kumpulan Bank Dunia mencapai paras tertinggi iaitu USD72.0 bilion, khususnya melalui komitmen dari IBRD sebanyak USD44.2 bilion (FY2009: USD32.9 bilion). Sehingga pertengahan April, komitmen oleh *International Development Association* (IDA) mencapai USD7.3 bilion. Sementara itu, IFC pula bersetuju untuk menyalurkan sejumlah USD222.0 juta bagi inisiatif untuk mengatasi krisis makanan dan USD506.0 juta lagi bagi membiayai perdagangan pertanian.

Di peringkat serantau, beberapa inisiatif telah diambil untuk menyokong usaha merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang 2015. Dalam usaha mempercepatkan proses ke arah mencapai objektif AEC, tumpuan utama telah diberi kepada kesalinghubungan antara negara anggota ASEAN. Dalam konteks ini, negara anggota ASEAN telah mencadangkan penubuhan Tabung Infrastruktur ASEAN (AIF) untuk menggembeleng sumber kewangan serantau bagi membiayai pembangunan infrastruktur serantau untuk meningkatkan potensi pertumbuhan jangka panjang. Tambahan pula, siri tahunan *ASEAN Finance Ministers' Investors Seminar* (AFMIS) yang dilancarkan sejak tahun 2004 telah menyediakan ruang untuk mempromosikan ASEAN sebagai satu destinasi pelaburan yang menarik dan menjenamakan ASEAN sebagai

kelas aset. Ini akan meningkatkan kesedaran mengenai peluang pelaburan dan seterusnya menggiatkan usaha integrasi serantau. Sebelum ini, AFMIS telah dianjurkan di pusat pelaburan utama seperti New York, London, Singapura, Hong Kong dan Dubai. Malaysia akan menjadi tuan rumah AFMIS bagi siri ke-7 di Kuala Lumpur pada bulan November 2010.

Negara anggota ASEAN+3 (China, Jepun dan Korea) pula terus memberi fokus kepada dua inisiatif utama, iaitu pengaturan pinjaman swap pelbagai hala di bawah *Chiang Mai Initiative Multilateralisation* (CMIM) dan *Asian Bond Market Initiative* (ABMI). CMIM yang mula berkuatkuasa pada 24 Mac 2010 telah membolehkan negara anggota membuat pengaturan swap mata wang pelbagai hala bagi mengatasi keperluan kecairan jangka pendek dan masalah imbalan pembayaran. Tambahan pula, ASEAN+3 *Macroeconomic Research Office* (AMRO) iaitu badan pengawasan CMIM akan diwujudkan bagi memantau, menilai dan melaporkan mengenai status ekonomi makro dan kewangan negara anggota. Di bawah ABMI, dua inisiatif telah dipersetujui oleh negara anggota, iaitu *Credit Guarantee and Investment Facility* (CGIF) dan *ASEAN+3 Bond Market Forum* (ABMF). CGIF ialah dana amanah yang diuruskan oleh *Asian Development Bank* (ADB) dengan modal permulaan sebanyak USD700.0 juta untuk menyokong penerbitan bon korporat di rantau ASEAN+3. ABMF pula akan menyediakan platform bagi membincang penyeragaman amalan pasaran dan pengharmonian peraturan yang berkaitan dengan transaksi bon rentas sempadan di peringkat serantau.

Di peringkat antara rantau, Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) menyediakan forum untuk berkongsi pengalaman dan bina upaya dalam pelbagai isu pembangunan. Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan APEC di Singapura pada November 2009 telah membincangkan isu-isu berkenaan pengurusan fiskal, perubahan struktur ekonomi domestik bagi menyokong pertumbuhan ekonomi global, bina upaya serta pengukuhan pemantauan kewangan. Malaysia menjadi tuan rumah untuk beberapa aktiviti bina upaya

di bawah Inisiatif Dasar Proses Menteri-Menteri Kewangan APEC, antaranya termasuk bengkel dan seminar *Improving Strategies for Fiscal Sustainability and Economic Recovery* pada Disember 2009 dan seminar *Financial Institutions Dealing with SMEs* pada Julai 2010.

Prospek 2011

Prospek global terus menggalakkan...

Prospek ekonomi global bagi 2011 masih menggalakkan dengan perdagangan dan pelaburan global terus bertambah baik, terutamanya di negara membangun dan negara berkembang pesat. Tambahan pula, penambahbaikan dalam penyelarasan polisi pasca krisis secara bersama, pembaharuan peraturan berterusan dalam sistem kewangan antarabangsa dan usaha meliberalisasi perdagangan dan pelaburan dijangka memudahkan lagi pertumbuhan sektor swasta. Walau bagaimanapun, cabaran terhadap pertumbuhan masih lagi wujud. Ini termasuk paras hutang awam dan kadar pengangguran yang tinggi, serta kesukaran mendapatkan pinjaman bank di negara maju dan dasar monetari yang lebih ketat di beberapa negara membangun Asia bagi membendung tekanan inflasi.

Pertumbuhan global dijangka berkembang 4.2% (2010: 4.8%), dipacu oleh China, India dan Indonesia yang dijangka mencatat pertumbuhan 9.6%, 8.4% dan 6.2% disokong oleh permintaan domestik yang mapan. Pertumbuhan di AS dijangka antara 3.5% dan 4.2% disokong oleh kenaikan permintaan swasta manakala di kawasan euro dijangka berkembang 1.5%, disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan eksport di Jerman dan Perancis. Perdagangan dunia diunjurkan meningkat 7.0% (2010: 11.4%), disumbang oleh peningkatan aktiviti perdagangan yang semakin meningkat di negara membangun dan berkembang pesat, manakala aktiviti perdagangan di negara maju dijangka sederhana. Sejajar dengan pertumbuhan dan prospek perdagangan dunia yang positif, FDI global juga dijangka meningkat antara USD1.3 trilion dan USD1.5 trilion.